

# Kemunculan serangga dan haiwan yang jarang ditemui

TAHUN ini, Singapura berjaya merakamkan rekod pertama kumbang 'Giant Click Beetle' di sini.

Penemuan kedua pula ialah lipas hijau zamrud – salah satu daripada dua lipas berwarna sedemikian di dunia.

*Berita Harian* mengemukakan empat rekod penemuan haiwan yang dilaporkan pada bahagian kedua 2022 dalam jurnal berjudul *Nature In Singapore* oleh Muzium Sejarah Alam Lee Kong Chian.

## KUMBANG 'GIANT CLICK BEETLE'

Kumbang ini biasa dilihat di Malaysia dan Indonesia, tetapi tidak pernah dilihat di Singapura sehingga 16 Oktober lalu di Upper Seletar.

Kumbang sepanjang 7 sentimeter itu sedang merangkak di batu tepi jalan raya berhampiran hutan kecil di sana dan ia dilihat oleh seorang kakitangan awam, Cik Elaine Lui yang memang berada di sana untuk mencari hidupan liar.

Kumbang 'Giant Click Beetle' diberi nama sedemikian kerana bunyi yang



– Foto DR ISAAC SEOW-EN

dibuatnya dengan membengkokkan tulang belakang.

Bunyi itu bertujuan menakutkan haiwan lain yang memburunya, selain memberi peluang kepada kumbang sejenis untuk meloloskan diri.

Penemuan itu penting, kerana ia berlaku sedang kumbang badak sumbu, yang pernah biasa ditemui di Singapura, menghilang sejak berdekad lalu, kata doktor bedah kolorektal, Dr Isaac Seow-En, yang bergegas ke tempat itu dan berjaya mengenal pasti kumbang tersebut sebagai kumbang betina.

Menurut beliau, penemuan kumbang 'Giant Click Beetle' itu menunjukkan hutan-hutan di Singapura boleh menampung kehidupan liar sedemikian, yang amat sensitif kepada pencemaran udara, racun serangga dan tempat tinggal yang berubah.

"Kumbang seperti ini biasanya terbang ke kawasan bandar pada waktu malam akibat pencemaran cahaya dan boleh terbunuh apabila dilanggar kenderaan atau orang yang takut melihatnya. Sebenarnya kumbang ini tidak berbahaya," ujar Dr Seow-En.



– Foto BRYAN SEAH

## LIPAS HIJAU

Rekod kedua lipas hijau yang jarang dilihat di sini dilakukan pada 22 Julai oleh pereka grafik bergerak, Encik Bryan Seah.

Beliau berkata, beliau terlihat lipas itu di satu kawasan Old Upper Thomson Road yang memang dikenali sebagai sarang lipas.

Pada mulanya, beliau menyangka serangga sepanjang 5 milimeter itu adalah sejenis kumbang dan mengambil gambar untuk dikongsi dengan rakan-rakannya. Namun mereka memberitahu beliau serangga itu adalah sejenis lipas hijau yang jarang ditemui di sini.

Lipas hijau zamrud pertama kali ditemui di sini pada 2021 dan adalah dari keluarga Sorineuchora genus, yang mempunyai 11 jenis berbeza.

Satu lagi lipas hijau di dunia ialah lipas pisang hijau (*Panchlora nivea*) yang hanya boleh ditemui di negara-negara Americas.

## KUCING HARIMAU BINTANG

Satu lagi tempat di sini telah dikenal pasti sebagai tempat kucing harimau bintang berkeliaran selepas ia dan najisnya ditemui di Kranji Marshes pada Disember 2021.

Penemuan ini, yang diterbitkan pada 31 Oktober, adalah penting untuk meneroka pergerakan kucing ini kerana rekod yang ada mengenainya berkurangan, kata pakar ekologi, Encik Chiok Wen Xuan, yang merakamkan video kucing itu menggunakan kamera 'jerat'.

Kewujudan kucing itu di Kranji Marshes menyokong usaha NParks untuk turut memelihara tempat tinggal taman paya dengan menghubungkan Kranji Marshes dengan Taman Kranji Coastal dan Paya Simpanan Sungei Buloh, kata beliau lagi, yang juga seorang penyelidik perdagangan hidupan liar.

Menambah, beliau berkata struktur tempat tinggal campuran di Kranji Marshes, yang termasuk taman rumput dan kawasan berpaya juga menunjukkan peri penting koridor laluan semula jadi bagi kucing dan haiwan liar lain.



– Foto WEN XUAN CHIOK



– Foto DR GRETCHEN COFFMAN

## TENGGILING SUNDA

Haiwan bersisik serta bermuncung tirus dan panjang ini ditemui di Kebun Bunga pada awal tahun ini.

Penemuan haiwan dewasa itu adalah tanda yang baik dalam usaha memulihara kawasan tanah paya di Kebun Bunga itu yang sedang dilaksanakan oleh Universiti Nasional Singapura (NUS), kata penyelidik utama, Dr Gretchen Coffman.

Mahasiswa jurusan ilmu alam di NUS, Encik Lewis Kwek, yang juga penyelaras penyelidikan bagi projek tersebut berkata di peringkat dunia, tenggiling Sunda dianggap amat terancam dan hanya 1,046 ekor masih wujud di sini.

Kata Dr Coffman: Sedang Lembaga Taman Negara (NParks) berusaha menjadikan Singapura Bandar di tengah-tengah alam, penemuan tenggiling Sunda ini memberi kita harapan hidupan liar dan manusia boleh hidup bersama.

Dalam landskap bandar di sini, ancaman utama bagi tenggiling Sunda di sini ialah insiden di jalan raya dan pengurangan tempat tinggal, kata beliau.